

Newspaper	BERITA HARIAN
Date	20 DECEMBER 2016

Indeks Syariah, TN50 selari mampu lonjak ekonomi: PM

BH- 20/12/2016

➔ Pelaksanaan penting bagi memastikan urusan tadbir negara ikut maqasid syariah

Oleh Irwan Shafrizan Ismail
irwansha@bh.com.my

► Putrajaya

Pelaksanaan Indeks Syariah Malaysia yang diselarikan dengan agenda Transformasi Nasional 2050 (TN50) mampu melonjak ekonomi dan membawa kejayaan kepada negara serta rakyat, kata Datuk Seri Najib Razak.

Perdana Menteri berkata, pelaksanaan indeks syariah penting untuk memastikan urusan tadbir negara berdasarkan lima prinsip maqasid syariah iaitu menjaga agama, nyawa, akal, keturunan dan harta.

Impian besar

"Kita ada impian besar hendak memastikan dalam masa lapan tahun lagi ekonomi negara dilonjak daripada RM1.3 trilion ketika ini

kepada RM2 trilion.

"Bayang-bayang itu sudah nampak dengan dipacu projek Aliran Transit Massa (MRT), Lebuhraya Pan Borneo, projek Rel Berkelajuan Tinggi (HSR) dan projek Landasan Kereta Api Pantai Timur (ECRL).

"Tapi, lebih daripada itu saya sudah tetapkan dan kerajaan ingin lihat supaya dalam tempoh 30 tahun, kita hendak Malaysia jadi negara kelas dunia, 20 (negara) terhebat di dunia. Semua ini mesti

kita lihat dalam konteks prinsip maqasid syariah, yang mana kita tahu bukan saja untuk orang Islam, tapi universal aplikasinya," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada majlis pelancaran Buku Pelan Pelaksanaan Indeks Syariah Malaysia 2016-2018 di Seri Perdana di sini, semalam. Yang turut hadir, Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Jamil Khir Baharom dan Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Dr Ali Hamza.

Dapat rahmat, keberkatan

Najib berkata, negara yang diurus tadbir mengikut prinsip maqasid syariah juga akan mendapat rahmat, keberkatan dan keredaan Allah SWT.

"Menerusi indeks ini, kita mahu menentukan skor kita, sejauh mana pencapaian prestasi, sejauh mana kita mampu sebagai sebuah kerajaan berdasarkan kepada prinsip maqasid syariah," katanya.